

SOALAN NO. 63**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah proaktif kementerian dalam menyelesaikan isu buli yang semakin berleluasa dalam kalangan remaja sehingga menyebabkan berlakunya kematian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM memandang serius akan kes-kes buli yang berlaku khususnya melibatkan kanak-kanak. Ini adalah kerana kanak-kanak berhak mendapat perlindungan daripada sebarang bentuk keganasan dan layanan yang buruk sama ada secara fizikal atau emosi sebagai mana yang digariskan dibawah Artikel 19 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/*Convention on the Rights of the Child* (CRC).

Tingkah laku buli adalah satu perilaku sosial yang amat kompleks dan melibatkan pelbagai pihak seperti kanak-kanak itu sendiri, ibu bapa, masyarakat dan persekitaran. Antara puncanya ialah menunjuk gaya (*power play*), tiada kasih sayang, meniru perangai dari orang dewasa dan sebagainya.

Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan, peratusan murid (sekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia) terlibat dalam salah laku buli yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah terkawal dengan tren yang menurun iaitu 0.08 peratus kepada 0.06 peratus. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 0.02 peratus murid terlibat dalam gejala tersebut. Berdasarkan rekod, tiada kes yang melibatkan kematian akibat perbuatan buli dalam kawasan sekolah dalam tempoh tahun 2012 hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dengan kerjasama KPWKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan pelbagai agensi lain mengambil langkah-langkah yang berikut bagi memberikan pendedahan terhadap keselamatan dan hak kanak-kanak:

1. SAHABAT B.I.J.A.K

Program Keselamatan Kanak-Kanak di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K dilaksanakan sejak tahun 2014 dengan kerjasama agensi-agensi

Kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia dan sektor korporat masih diteruskan dari semasa ke semasa. Ianya bertujuan untuk menyebar luas maklumat berkaitan aspek keselamatan dan hak kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat.

2. Modul advokasi kesedaran terhadap perlindungan dan keselamatan kanak-kanak

JKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan beberapa buah lagi agensi yang berkaitan telah menghasilkan satu modul mengenai kesedaran terhadap perlindungan dan keselamatan kanak-kanak di sekolah.

3. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak

Penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) di peringkat negeri, daerah dan komuniti berperanan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerosakan akhlak serta kebajikan dan pemulihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal. PKKK melibatkan Pegawai

Kanan Polis, Pegawai Pendidikan dan ahli-ahli yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara pelindungan dan pemulihan kanak-kanak.

4. Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak merupakan pasukan sedia ada yang ditubuhkan di daerah-daerah seluruh Negara. Pasukan ini distruktur semula dengan keanggotaan tidak lebih daripada 7 orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pencegahan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai polis kanan. Penstrukturkan semula ini adalah untuk memastikan penyelarasan perkhidmatan yang berkesan yang diberikan kepada keluarga dan kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, iaitu antaranya kanak-kanak yang dicederakan daripada segi fizikal, dianiyai, diabaikan dan dibuang. Dengan pindaan ini juga, Pelindung ditugaskan untuk menyelia Pasukan Perlindungan Kanak-kanak.

5. Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga)

Program SEKATA merupakan kursus keibubapaan anak remaja dan pendidikan kesihatan reproduktif remaja kepada komuniti setempat yang dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) sebagai salah satu usaha untuk mencegah masalah sosial. Program kerjasama ini menggembung dan menggerakkan peranan ahli keluarga dan komuniti menerusi NGO untuk melaksanakan program dalam komuniti setempat bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan untuk membantu menangani permasalahan sosial dalam masyarakat.

6. Perkhidmatan Kaunseling

Ibu/bapa/penjaga atau guru boleh merujuk dan mendapatkan khidmat kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan kaunseling keluarga kepada mangsa buli atau penderaan dan juga kepada pembuli/pendera.

7. Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pendidikan II YB Senator Datuk Chong Sin Woon merupakan jawatankuasa yang diwujudkan sejak tahun 2004 yang bertujuan untuk memberi ruang kerjasama kepada semua pihak bagi membendung masalah disiplin murid melalui penglibatan semua pihak, jawatankuasa ini telah dapat melaksanakan aktiviti secara lebih berkesan.

8. Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan Peti Aduan di sekolah

PPS yang telah dilantik dikehendaki membuat lawatan ke sekolah sebanyak 2 kali sebulan. Di samping itu, Peti Aduan Disiplin telah diwujudkan di sekolah-sekolah. Tujuan pewujudan peti aduan disiplin ini adalah untuk para pelajar menyalur sebarang maklumat seperti buli dan sebagainya. Dengan adanya maklumat tersebut Guru Disiplin dan PPS boleh bekerjasama untuk mengatasi sebarang masalah yang diadukan oleh pelajar dari peringkat awal terutamanya isu buli.

KPWKM juga menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat di dewan ini supaya dapat turut sama-sama memberikan sokongan dalam melaksanakan advokasi perlindungan dan keselamatan kanak-kanak di sekolah atau dalam komuniti sama ada melalui biro kebajikan atau pendidikan di negeri-negeri. Keprihatinan semua terhadap isu semasa ini adalah amat diperlukan memandangkan perlakuan sebegini tidak boleh dibiarkan berleluasa dalam institusi pendidikan sebagai rumah kedua bagi anak-anak kita.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI
WANG [KOTA
SAMARAHAN]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 64

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status kelulusan projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya Fasa II dan kelulusan permohonan baru Bekalan Elektrik Luar Bandar di kawasan Parlimen Kota Samarahan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menerima permohonan untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya Fasa II dalam senarai projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMke-11) daripada pihak Unit Perancang Negeri, Negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian tidak dapat mempertimbangkan projek tersebut kerana di luar skop program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di mana skop utama projek tersebut melibatkan kerja-kerja penggantian paip.

Manakala bagi program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Tahun 2017-2018 dengan anggaran kos sebanyak RM200juta. Pelaksanaan projek ini dirancang bagi penyambungan talian grid di keseluruhan daerah di negeri Sarawak termasuk kawasan Kota Samarahan. Walau bagaimanapun, senarai keutamaan pelaksanaan adalah tertakluk

kepada keputusan oleh Kementerian Utiliti Sarawak (KUS). Kementerian masih menunggu senarai akhir oleh KUS dan projek ini dijangka akan bermula pada awal tahun 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 65

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak diletak di bawah satu Kementerian yang kini sedang mentadbir-uruskan bidang-bidang kuasa JPJ, AWAS, AES , MIROS dan KEJARA untuk menjamin pelaksanaan dasar dan undang-undang pengangkutan awam darat yang bersepadu serta membasmikan pertindihan kuasa antara satu Kementerian dengan yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, bidang kuasa SPAD adalah di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 di mana bidang kuasanya adalah untuk merancang dan mengawal selia semua pengangkutan awam darat negara seperti rel, bas, teksi, serta kenderaan barang melalui jalan raya dan kereta api di samping mengendalikan dan menguruskan permit kenderaan perdagangan serta menguatkuaskan pematuhan permit. Kementerian Pengangkutan pula bertanggungjawab merangka polisi dan dasar pengangkutan negara. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pengangkutan Jalan bertanggungjawab melesenkan semua pemandu dan kenderaan serta melaksanakan penguatkuasaan termasuk kepada kenderaan perkhidmatan awam seperti mana kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.